



23 FEB, 2025

## 164,000 kelapa tua dibawa masuk menjelang Ramadan, Aidilfitri

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

# 164,000 kelapa tua dibawa masuk menjelang Ramadan, Aidilfitri

FAMA aktifkan pusat pengumpulan seluruh negara

Oleh TUAN BUQHAIRAH  
TUAN MUHAMAD ADNAN  
PUTRAJAYA

**S**ebanyak 164,000 kelapa tua dibawa masuk masing-masing dari Sabah dan Kepulauan Palembang bagi memenuhi keperluan pasaran pada Ramadan dan Aidilfitri.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Isham Ishak berkata, jumlah tersebut merangkumi 496 tan metrik kelapa tua dikupas pada

Februari ini melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

"FAMA juga sedang agresif mengaktifkan pusat pengumpulan di seluruh negara untuk mengutip kelapa-kelapa tua bagi menjamin bekalananya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akbar selepas melancarkan Program Semarak Ramadan 1446H Pasar Tani Peringkat Kebangsaan di sini pada Jumaat.

Turut hadir, Pengurus FAMA, Aminuddin Zulkiple dan Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk Fadlun Mak Ujud.

Program Semarak Ramadan 1446H Pasar Tani melibatkan penyertaan 262 lokasi di seluruh negara, merangkumi 222 Pasar Tani, 37 pasar tani kekal, dua di Pusat Transformasi Luar Bandar (PTL) dan Medan Niaga Satok (MNS).



Isham (tengah) bersama Aminuddin (kanan) dan Fadlun (dua dari kiri) mengacau bubur lambuk sebagai simbolik perasmian Program Semarak Ramadan 1446H Pasar Tani.

Ia bertujuan menyediakan akses lebih luas kepada masyarakat untuk mendapatkan barang keperluan harian bagi menghadapi bulan Ramadan,

terutama bahan makanan segar dan produk asas tani, pada har-

ga berpatutan di pelbagai lokasi strategik di seluruh negara.

Sejak diperkenalkan pada 1985, pasar tani berkembang sebagai platform utama bagi pengeluar dan usahawan tani memasarkan hasil mereka secara

terus kepada pengguna.

"Dengan lebih 222 lokasi di seluruh Malaysia, pasar tani memainkan peranan penting dalam memperkuatkkan ekosistem pemasaran hasil tani dan memperluaskan akses pengguna terhadap produk pertanian segar dengan harga berpatutan," jelas Isham.

Sempena ulang tahun ke-40 penubuhan pasar tani pada 31 Januari 2025, FAMA terus komited dalam memperluaskan jaringan pasar tani dengan sasaran pembukaan 10 lokasi baharu dan menaik taraf 47 lokasi sedia ada sepanjang tahun.

"KPKM dan FAMA berharap inisiatif seperti ini bantu tingkat pendapatan usahawan tani serta beri akses lebih luas kepada masyarakat untuk mendapatkan barang keperluan harian dengan lebih mudah dan berpatutan," katanya.



23 FEB, 2025

## 164,000 kelapa tua dibawa masuk menjelang Ramadan, Aidilfitri

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

FAMA aktifkan pusat pengumpulan seluruh negara

Sebanyak 164,000 kelapa tua dibawa masuk masing-masing dari Sabah dan Kepulauan Palembang bagi memenuhi keperluan pasaran pada Ramadan dan Aidilfitri. Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Isham Ishak berkata, jumlah tersebut merangkumi 496 tan metrik kelapa tua dikupas pada

Februari ini melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). "FAMA juga sedang agresif mengaktifkan pusat pengumpulan di seluruh negara untuk mengutip kelapa-kelapa tua bagi menjamin bekalananya," katanya.